View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by UKM Journal Article Repository

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 46 (2) (December 2019): 79-117
@ Centre For Policy and Global Governance (GAP), UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

**RAFIDAH** Dahari
**NOR AZIZAN** Idris
**ZARINA** Othman
Universiti Kebangsaan Malaysia

# PENYELUDUPAN SENJATA API DI SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND DAN ANCAMANNYA KE ATAS KESELAMATAN INSAN

## *SMALL ARMS AND LIGHT WEAPON SMUGGLING AT MALAYSIA-THAILAND BORDER AND ITS THREATS TOWARDS HUMAN SECURITY*

*Rantau Asia Tenggara berhadapan pelbagai konflik bersenjata dan peperangan. Keadaan bertambah buruk dengan lambakan senjata api pasca Perang Dingin. Malaysia tersepit di antara jiran yang berkonflik dengan kedudukannya di laluan perairan perdagangan utama dunia tidak terkecuali daripada menerima tempias aktiviti jenayah rentas sempadan penyeludupan senjata api kecil dan ringan (SKR). Pelaksanaan undang-undang senjata api yang ketat di Malaysia seakan tidak berbisa dengan kemasukan haram SKR secara berterusan melalui sempadan darat dan perairan negara. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan konsep keselamatan insan, faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti penyeludupan SKR ke Malaysia serta ancamannya ke atas keselamatan insan. Kajian dijalankan secara kualitatif di mana data primer diperolehi melalui kaedah temubual bersama agensi penguatkuasaan dan keselamatan Malaysia dan Thailand, pesalah senjata api, pemberi maklumat dan organisasi bukan kerajaan, kerja lapangan di dalam negara dan sempadan Malaysia-Thailand, kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati bahawa faktor dalaman dan faktor luar telah mempengaruhi peningkatan penyeludupan SKR dan jenayah berkaitannya yang mampu menggugat keselamatan insan di Malaysia.*

**Kata kunci**: *Ancaman Bukan Tradisional, Faktor Dalaman, Faktor Luaran, Keselamatan Insan, Penyeludupan SKR Di Malaysia*

*Over the years, Southeast Asia region faces numerous conflicts and wars. The situation has worsened with the dumping of firearms after the Cold War. Malaysia is smacked in between its neighbours in conflict. Coupled with its strategic location along the world's busiest trading waterways, Malaysia is no exception to be affected*

*by transnational crime activities and trafficking of Small Arms and Light Weapons (SALW). The strict implementation of firearms laws in Malaysia doesn't seems to take effect with the continuous influx of illegal SALW over its land and waters. The objectives of this article is to discuss human security concepts, factors that promote the increase of SALW smuggling into Malaysia and its threats on human security. This study employs a qualitative method whereby primary data is obtained through interviews with Malaysian and Thailand enforcement and security agencies, prisoner of SALW related, informer and non-governmental organization, fieldwork in Malaysia and border of Malaysia-Thailand, literature methods and document analysis. The study found that the internal and external factors have influenced the increased of SALW smuggling and its crime related activities that could jeapordised on the human security of Malaysia.*

**Keywords**: *Non Traditional Threats*, *Internal Factors, External Factors, Human Security, SALW Smuggling In Malaysia*

## Pengenalan

Berakhirnya Perang Dingin telah mengubah landskap kajian bidang keselamatan. Pasca Perang Dingin disertai dengan kesan globalisasi menyumbang kepada peralihan corak keselamatan daripada ancaman militari kepada ancaman bukan tentera. Proses globalisasi telah membuka ruang sempadan negara dengan meliberalisasikan pergerakan perkhidmatan, barangan dan manusia. Fenomena ini akhirnya menjadi punca kepada titik tolak pelbagai Jenayah Rentas Sempadan (JRS) termasuklah Penyeludupan Senjata Api (PSA). PSA dipercayai komoditi kedua tertinggi yang diseludup selepas dadah.[1]Tidak dinafikan bahawa isu Senjata Kecil Dan Ringan (SKR) adalah saling berkaitan dengan jenayah rentas sempadan (JRS) yang lain. Namun, PSA sering diserap ke dalam agenda keselamatan untuk memerangi isu JRS lain yang dilihat lebih mendesak seperti pengedaran dadah dan penyeludupan manusia.[2]

Di peringkat global, penyalahgunaan SKR di kebanyakan negara adalah salah satu punca utama kematian dan kecederaan. Bukti sedia ada menunjukkan kira-kira 300,000 orang terbunuh akibat penyalahgunaan SKR setiap tahun dalam negara konflik dan 200,000 orang di kalangan masyarakat yang dikategorikan 'aman'.[3] Laporan *Small Arms Survey* menganggarkan sejumlah 875 juta senjata kecil berlegar di seluruh dunia dan dihasilkan oleh lebih 1,000 buah buah syarikat yang melibatkan lebih 100 negara.[4]Dianggarkan 5 peratus daripada jumlah penjualan senjata iaitu melebihi USD8.5 billion senjata api dunia adalah melalui penjualan haram. Kebanyakan senjata api yang didagangkan secara haram adalah SKR. Jumlah dagangan tahunan senjata api haram mencecah dua hingga tiga billion dollar.[5]Stohl (2005) pula

memaklumkan bahawa pasaran senjata api sah global dianggarkan berjumlah USD4 bilion setahun manakala penjualan SKR haram dianggarkan mencecah hampir USD1 bilion.[6]

Dengan berakhirnya Perang Dingin telah berlakunya peralihan konflik bersenjata daripada peperangan antara negara kepada pergolakan bersenjata dalam negara. Dalam konflik ini, kebanyakan punca kematian adalah disebabkan oleh SKR berbanding senjata konvensional semasa Perang Dingin.[7,8] Kebanyakan SKR yang berlegar di Asia Tenggara (AT) bukanlah senjata api baru tetapi dikitar semula.[9] Angka sebenar keganasan senjata api yang telah membunuh dan mencederakan orang awam di AT tidak diketahui. Ketiadaan rekod statistik kerajaan yang lengkap untuk SKR yang telah digunakan bagi lebih 15,300 kes pembunuhan yang didaftarkan. Ringkasnya, statistik semasa mengenai kematian akibat SKR di AT adalah tidak lengkap dan tidak boleh dipercayai.[10] Dengan tamatnya Perang Dingin terdapat kebanjiran kuantiti besar SKR dari bekas negara Soviet Union dan Blok Timur ke pasaran dengan tersedianya pembeli dalam suasana berlaku pengurangan perbelanjaan ketenteraan, regulasi yang lemah serta keadaan ekonomi yang tidak menentu.[11,12]

Laporan *Gunpolicy* turut senada dengan kajian oleh Muggah dan Moser-Puangsuwan (2003) di mana kadar kematian disebabkan SKR di rantau AT sangat jarang direkod terutama di Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Thailand, Timor Leste dan Vietnam. Pada tahun 1990an, Thailand telah mencatatkan angka tertinggi pembunuhan akibat SKR di seluruh Asia.[13] Statistik kematian akibat SKR di AT yang dilaporkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) bagi tempoh 2000-2012[14] adalah sebanyak 167,093 kes kematian. Filipina telah mencatatkan angka tertinggi iaitu 87,532 kes dan diikuti oleh Thailand sebanyak 53,973 kes dan Indonesia dengan 11,922 kes kematian akibat SKR. Bagi negara-negara lain seperti Myanmar mencatatkan sebanyak 8044 kes, Vietnam (3037 kes), Kemboja (964 kes), Malaysia (652 kes), Laos (392 kes) dan lain-lain negara rata-rata bilangan kes kematian akibat SKR merekodkan angka kematian yang secara relatif rendah. Data ini mungkin disebabkan kekurangan rekod atau ketiadaan statistik rasmi kes kematian akibat SKR yang direkodkan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dinyatakan oleh laporan *Gunpolicy* seperti di atas.

Dalam konteks Malaysia, penyeludupan SKR bukanlah suatu fenomena baharu. Bagaimanakah penyeludupan SKR boleh berlaku di Malaysia? Kekerapan kejadian jenayah yang melibatkan penggunaan SKR mungkin agak asing bagi sebahagian rakyat negara ini suatu ketika dahulu. Namun, trend jenayah berkaitan kes tembak dan pembunuhan ala-mafia serta kes letupan di tempat awam dilihat semakin menjadi-jadi kebelakangan ini walaupun undang-undang senjata api Malaysia sangat ketat berkaitan pemilikan SKR. Artikel ini akan membincangkan dan membandingkan definisi SKR di Malaysia dan tiga negara yang bersempadan darat dan laut iaitu Thailand,

Indonesia dan Filipina. Selain itu, tulisan ini akan meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penyeludupan SKR ke Malaysia dan ancamannya ke atas keselamatan insan (KI).

## Definisi Senjata Kecil Dan Ringan (SKR) (*Small Arms And Light Weapons* [SALW])

Berdasarkan definisi United Nations 1997 Report of Panel of Governmental Experts on Small Arms, senjata kecil adalah terdiri daripada

> *revolvers and self-loading pistols, rifles and carbines, assault rifles, sub-machine guns, and light machine guns. Senjata ringan pula adalah terdiri daripada heavy machine guns, hand-held under-barrel and mounted grenade launchers, portable anti-tank and antiaircraft guns, recoilless rifles, portable launchers of anti-tank and anti-aircraft missile systems, and mortars of less than 100mm caliber.r*[1].

Tiada istilah seragam yang digunapakai di kalangan negara di rantau AT berkaitan SKR dan peluru. Perbezaan definisi SKR di negara AT telah didebatkan secara meluas di peringkat antarabangsa kerana tidak wujud keharmonian undang-undang senjata api di kalangan negara AT. Perbezaan definisi SKR juga berlaku di dalam sektor domestik sesetengah negara AT di antara kelompok awam dan tentera. SKR termasuk peluru secara umumnya merujuk kepada senjata api yang boleh dibawa oleh satu atau dua individu. Dalam kajian sarjana ini merujuk definisi SKR disediakan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) walaupun definisi tersebut belum diterima atau digunapakai secara universal.[16]

> *Small arms: revolvers and self-loading pistols, rifles and carbines, assault rifles, sub-machine guns, and light machine guns. Light weapons: heavy machine guns, hand-held under-barrel and mounted grenade launchers, portable anti-tank and anti-aircraft guns, recoilless rifles, portable launchers of anti-tank and antiaircraft missile systems, and mortars of less than 100mm calibre. Ammunition and explosives: cartridges (rounds) for small arms, shells and missiles for light weapons, mobile containers with missiles or shells for single-action anti-aircraft and anti-tank systems, antipersonnel and anti-tank hand grenades, landmines, explosives (UN 1997, para. 26). Explosives were further defined in the United Nations Report of the Group of Experts on the Problem of Ammunition and Explosives. The Group focused mainly on military high explosives, industrial explosives (including those used in the mining industry), improvised or 'home-made' explosives, and explosive initiators or detonators*

*(blasting caps) (UN 1999a para. 16).*

SKR merujuk kepada senjata api yang boleh dibawa oleh satu atau dua orang, dipasang di atas kenderaan ataupun dimuatkan ke atas haiwan. Klasifikasi ini terdiri daripada mesingan ke peluru berpandu termasuklah bom tangan dan roket mortar (*rocket-propelled grenades* [RPG]).[17]

Dalam konteks Malaysia, definisi SKR dan penalti dijelaskan di dalam Akta Senjata Api 1960 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971. Apa-apa senjata maut berlaras, yang direkabentuk atau disesuaikan untuk melepaskan letusan, peluru dan bedilan, apa-apa cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda termasuklah senapang angin, pistol angin, senapang automatik serta mana-mana komponen senjata tersebut, apa-apa barang yang ditambah, direkabentuk, disesuaikan untuk mengecilkan bunyi dan pancaran api.[18] Pemilikan tidak sah senjata api adalah merujuk kepada memiliki, menjaga atau mengawal atau membawa senjata api yang bertentangan dengan peruntukan di bawah Akta Senjata 1960. Sebarang pemilikan tidak sah sekiranya bersabit kesalahan boleh digantung sampai mati atau penjara seumur hidup di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina menggunakan pendekatan berbeza. Kajian Kramer (2001) mendapati di Indonesia, tiada definisi SKR mengikut undang-undang senjata apinya. Bagi Thailand, senjata api termasuk semua senjata yang menghantar peluru melalui letupan, tekanan gas atau udara termampat atau perekaan mekanikal bergantung kepada daya tenaga dan komponennya di bawah kuasa Menteri dan disenaraikan dalam Peraturan Menteri. Manakala bagi Filipina, istilah senjata api atau senjata meliputi raifal, musket, karbin, senapang patah, *revolver*, pistol, dan semua senjata maut lain di mana peluru, bola, pukulan, kelongsong atau peluru berpandu yang lain boleh dilepaskan melalui serbuk letupan atau lain-lain bahan letupan. Istilah ini juga termasuk senapang angin kecuali berkaliber kecil dan jarak terhad, digunakan sebagai mainan. Apa-apa laras senjata api juga dianggap sebagai senjata api yang lengkap untuk tujuan undang-undang.[19]

## Latar Belakang Penyeludupan Senjata Api

Panel pakar PBB mendefinisikan penjualan haram SKR sebagai perdagangan antarabangsa SKR konvensional yang bercanggah dengan undang-undang sesebuah negara atau undang-undang antarabangsa.[20,21] Penyeludupan haram penjualan SKR adalah merujuk kepada larangan undang-undang sesebuah negara dalam pembuatan, pindahan, pengharaman senjata api atau material yang statusnya sah di lain negara dan pindahan ke negara yang di bawah sekatan oleh undang-undang kebangsaan atau antarabangsa.[22] Pasaran gelap pula merujuk kepada pindahan haram SKR oleh individu, kumpulan penjenayah atau aktor bukan negara seperti kumpulan pemberontak dan selalunya ketiga-

tiga kumpulan ini terlibat sekaligus.[23] Pindahan haram SKR adalah pindahan daripada pemilik sah (contohnya tentera atau polis) kepada kumpulan atau individu yang tidak mempunyai kebenaran dalam sesebuah negara.[24]Terdapat banyak kajian yang berkisar kepada faktor penyebab percambahan dan pengedaran senjata api tetapi tidak memfokuskan kepada mana-mana negara seperti Krause (1999, Kartha 1999, Gillard 2000, Lumpe, Meek & Naylor 2000, Mathiak & Lumpe 2000, Cukier & Shrophire 2000, Meek 2000, Stohl 2005). [25,26,27,28,29,30,31,32] Topik PSA ini telah mendapat perhatian ramai sarjana yang mengkajinya. Bagi benua Afrika, penulisan Legget 2000, Alusala 2010, Strazzari 2014)[33,34,36] adalah melibatkan konflik dalaman dan jenayah senjata api. Di benua Eropah, Spapens (2007, Peterka-Benton 2012)[36,37] berkisar isu pertikaian politik dan kurangnya proses harmonisasi perundangan senjata api di kalangan negara Kesatuan Eropah. Benua Amerika Tengah pula tidak lari dari isu kartel dadah dan senjata api di Mexico (Kuhn & Bunker 2011)[38] dan benua Timur Tengah melibatkan penentangan penduduk Palestin ke atas tentera Israel (Zohar 2015).[39]

Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa kegiatan penyeludupan SKR berkait dengan segala jenis aktiviti jenayah terancang (contohnya penyeludupan dan pengedaran dadah serta penyeludupan migran dan pemerdagangan orang) yang boleh diniagakan melalui saluran haram, berbaloi dan menguntungkan sehingga berlakunya 'perlumbaan pemilikan senjata api' di kalangan kumpulan penjenayah (Kramer 2001), Capie 2002, Stohl 2005, Iwa 2005, Spapens 2007, Kuhn & Bunker 2011 dan Gagliardi 2012).[40,41,42,43,44,45,46]Percambahan SKR dan aktiviti jenayah di AT adalah sangat bermasalah dan salah satu faktor penyebabnya adalah kerana faktor perdagangan dadah yang tinggi di rantau ini.[47] Hujah ini disokong oleh laporan yang mendakwa bahawa SKR dan dadah sering ditukar di sepanjang garisan bekalan tersebut. Perdagangan SKR dan dadah saling melengkapi iaitu berkembangnya perdagangan satu komoditi akan mendorong pertumbuhan perdagangan yang lain.[48]Isu percambahan SKR di AT telah bermula seawal tahun 1975 dengan berakhirnya Perang Vietnam. Sebilangan jumlah SKR yang tidak diketahui telah melimpah keluar dari tanah besar Indocina ke negara-negara serantau. Masalah ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti etnik, budaya, politik, keganasan setelah berakhirnya penjajahan, polisi yang tidak mencukupi dan kemunculan jenayah terancang.[49]

Kajian Kramer (2001) pula adalah dari aspek perundangan kawalan senjata api di negara ASEAN dalam usaha mengawal pengedaran dan pemilikannya tetapi bukan dari perspektif keberkesanan pematuhan undang-undang.[50]Wujud juga usaha penulisan oleh Capie (2002) yang seimbang mengenai isu senjata api di kesemua negara ASEAN bermula daripada pengeluaran sehinggalah cara dan punca senjata api memasuki pasaran gelap[51] Namun kajian tersebut tidak lagi terkini. Permasalahan PSA turut mendapat perhatian bagi kes di Mindanao, selatan Filipina dan kegagalan

kerajaan Filipina dalam menanganinya oleh Misalucha (2004).[52] Tidak ketinggalan dibincangkan juga isu PSA di Indonesia dan peranan ASEAN dalam Iwa (2005).[53] Ini termasuklah isu PSA di empat daerah berkonflik di Indonesia (Aceh, Poso, Ambon dan Papua) dengan Malaysia sebagai laluan utama aktiviti PSA ke Indonesia dari negara ASEAN yang lain oleh Denik (2012).[54]Aktiviti dan modus operandi PSA dan pemindahan ke pasaran senjata api Sulu yang berkaitrapat dengan kegiatan lanun, keganasan dan lain-lain kegiatan penyeludupan komoditi haram juga telah dibahaskan oleh Miani (2011).[55] Menurut Capie (2013), isu konflik etnik yang berlaku di Burma dan Selatan Thailand turut mendapat perhatian. PSA memberi cabaran yang sangat kompleks di mana sejumlah besar senjata api berlegar di AT adalah dikitar semula dan dikawal oleh aktor negara dan bukan negara.[56]Ketersediaan SKR di pasaran gelap di AT juga bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Rantau ini pernah mengalami peperangan dan konflik bersenjata yang masih berlaku di beberapa buah negara. Senario ini telah membuka ruang kepada aktor bukan negara termasuk di Malaysia untuk mendapatkan akses bekalan SKR bagi pelbagai kegiatan jenayah terancang. Suatu ketika dahulu jenayah penggunaan senjata api mungkin agak asing bagi sebahagian rakyat negara ini. Akhir-akhir ini, kebanyakan kejadian tembakan di tempat terbuka walaupun dikatakan disasarkan untuk individu atau kumpulan tertentu. Trend jenayah tembak, pembunuhan ala-mafia dan kes letupan di tempat awam kini dilihat semakin menular sehingga boleh mengancam nyawa dan keselamatan. Artikel ini akan membincangkan faktor dalaman dan luaran yang menjadi penyumbang kepada peningkatan penyeludupan SKR ke dalam negara melalui sempadan Malaysia-Thailand yang berupaya memberi ancaman kepada keselamatan insan Malaysia.

## Konsep Keselamatan Insan (KI)

Meskipun PSA di Malaysia tidak diberikan perhatian sebagaimana penyeludupan narkotik dan penyeludupan migran yang dilihat lebih mendesak serta dilihat tidak terlalu mempengaruhi keselamatan negara, namun ini bukanlah beerti Malaysia selamat daripada kesan PSA. Dalam membincangkan isu penyeludupan SKR di Malaysia, secara tidak langsung aspek keselamatan insan (KI) perlu dibicarakan. Ini adalah kerana kegiatan jenayah bersenjata api berupaya memberi ancaman ke atas KI.

Konsep KI telah diperkenalkan melalui *UN Annual Human Development Report (UNDP)* 1994.[57] Definisi mudah KI ialah *"freedom from fear and freedom from want"*. Tujuh sektor ancaman utama KI yang dijelaskan oleh UNDP adalah keselamatan ekonomi, keselamatan makanan, keselamatan kesihatan, keselamatan alam sekitar, keselamatan peribadi, keselamatan masyarakat dan keselamatan politik. Konsep ini adalah percubaan mengalihkan fokus kepada pembangunan insan pasca Perang Dingin supaya sumber

kewangan dan sumber manusia digunakan untuk pembasmian kemiskinan dan tidak tertumpu kepada pembangunan ketenteraan dan keselamatan tradisional sahaja.[58]Terdapat perdebatan perbezaan dua aliran KI iaitu aliran luas dan aliran sempit. Aliran luas merujuk kepada kumpulan yang menekankan isu pembangunan (*freedom from want & from insecurities of underdevelopment*). Manakala aliran sempit mewakili isu keganasan politik terancang dalam negara (*freedom from fear from political violence*).[59]Konsep KI UNDP adalah terlalu luas. Ramai sarjana berpandangan ianya perlu disesuaikan mengikut kaca mata AT. Konsep KI Asia adalah selari dengan konsep keselamatan komprehensif rantau. Konsep KI Barat lebih mencerminkan demokrasi liberal individu yang bertentangan dengan budaya serta konsep kerjasama keselamatan rantau ini.[60] Idea bagaimana KI berkembang di AT serta pendekatan dan perbahasan isu berkaitannya turut dibincangkan dan keperluan keamanan dicari serentak dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan individu setiap negara di AT.[61] "Pendekatan Keselamatan Manusia BANGI (BAGHUS)" mengakui di AT individu berkait rapat dengan masyarakat (atau masyarakat). Keselamatan peribadi individu biasanya berkait rapat dengan keselamatan masyarakat yang diperkukuhkan dengan pengaruh agama dan budaya dalam kehidupan seharian.[62] KI memberi fokus kepada kesejahteraan dan menjaga maruah insan lebih daripada melindungi sempadan negara. Tiga ciri utama KI ialah individu sebagai objek keselamatan di mana jika salah satu daripada tujuh kategori digariskan PBB terancam boleh mengancam KI. Kedua, proses globalisasi sebagai ancaman kepada KI dalam konteks struktur ekonomi. Ketiga, ancaman kepada insan adalah berpunca dari dalam negara sendiri. Tiga ciri sesuatu isu dikategorikan sebagai isu KI ialah ancaman yang memudaratkan bukan sekadar lisan tetapi secara fizikal, ancaman yang boleh menghapuskan sesebuah komuniti dan ancaman yang melibatkan penghijrahan sekelompok manusia serta mendatangkan kesan negatif kepada penghijrah.[63]Konsep KI *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) dan KI di AT adalah berkaitan dengan pembangunan insan. Ancaman ke atas KI akan menjejaskan pembangunan insan dan sebaliknya. KI adalah keselamatan berhubung keselamatan rakyat berbanding KN dan berkaitan dengan hak asasi insan untuk memiliki kesejahteraan hidup dari segi pendidikan, perkhidmatan kesihatan, tadbir urus yang baik dan berpeluang untuk memenuhi potensi diri yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kemiskinan, mencapai pertumbuhan ekonomi, mencegah konflik sekaligus mengecap keamanan. Konsep KI di rantau ini perlu mengambilkira perbezaan agama, kepelbagaian etnik dan bahasa serta fahaman politik. Ancaman KI di AT berpunca dari aspek militari dan bukan ketenteraan. Fahaman KI di AT terfokus kepada keselamatan masyarakat berbanding individu. Terdapat simbiosis antara KI dan keamanan. KI menjamin kesejahteraan masyarakat dan mampu mengelakkan peperangan atau konflik yang akhirnya mewujudkan keamanan dan kestabilan negara. *The Bangi Human Security Research*

*Group* mengakui bahawa keamanan tidak hanya dilihat dari aspek ketiadaan peperangan. Keamanan bukan sahaja merangkumi elemen melindungi dan memperkasa untuk mencapai nilai potensi diri, masyarakat dan negara tetapi juga kepentingan pembangunan terutamanya bagi negara-negara membangun di AT.[64]

Jelas bahawa aspek KI dan keselamatan masyarakat tidak boleh dipinggirkan dalam keselamatan sesebuah negara apabila kegiatan jenayah bersenjata api. mampu mendatangkan ancaman secara langsung dan berupaya merencat kesejahteraan individu dan masyarakat. Mengambilkira pemilikan lesen SKR di Malaysia bukanlah suatu yang mudah diperolehi walaupun bagi tujuan pertahanan diri, isu PSA tidak boleh tidak harusdipandang serius oleh pihak kerajaan. SKR haram begitu mudah menyusup masuk melalui sempadan dan memasuki pasaran gelap SKR negara yang mengakibatkan pelbagai kegiatan jenayah melibatkan elemen SKR semakin tular sehingga berupaya memberi ancaman ke atas KI.

## Ancaman Penyeludupan SKR Ke Atas Keselamatan Insan Di Malaysia

Walaupun SKR adalah punca kematian terbesar dalam konflik sejak tahun 1945, namun isu ini tetap tiada dalam agenda kawalan senjata sepanjang Perang Dingin.[65] Percambahan SKR tanpa kawalan di AT mengancam keselamatan negara dan insan, merencat pembangunan negara dan menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah ganas.[66] Penyebaran SKR telah menyumbang kepada banyak kematian dan kecederaan dalam situasi konflik.[67]

Isu PSA di Malaysia serta jenayah berkaitannya perlu diberikan perhatian kerajaan kerana ianya boleh mengakibatkan kehilangan nyawa individu dan orang awam pada bila-bila masa dan akhirnya boleh menggugat rasa selamat dan menghakis keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan membanteras jenayah. Wujud persepsi peningkatan ketersediaan dan penyalahgunaan SKR oleh pelbagai aktor memberikan impak yang mendalam dan rasa tidak selamat di kalangan orang awam[68]

Jenayah SKR dibahagikan kepada tiga kategori utama oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Secara keseluruhannya, statistik jenayah salahguna SKR di Malaysia bagi tempoh tahun 2015 sehingga Jun 2018 adalah sebanyak 374 kes seperti di Jadual 1[69] Bagi bunuh bersenjata api mencatat 102 kes, cubaan bunuh bersenjata api sebanyak 109 kes dan 163 kes samun bersenjata api telah direkodkan.

**Jadual 1: Statistik Jenayah Penggunaan Senjata Api di Malaysia Bagi Tahun 2015 Sehingga Jun 2018**

| Jenis Kes | Tahun/Jumlah Kes | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 | Jan-Jun 2018 | Jumlah |
| Bunuh Bersenjata Api | 40 | 32 | 23 | 7 | **102** |
| Cubaan Bunuh Bersenjata Api | 50 | 29 | 19 | 11 | **109** |
| Samun Bersenjata Api | 48 | 65 | 31 | 19 | **163** |
| **Jumlah Keseluruhan** | **138** | **126** | **73** | **37** | **374** |

Sumber : Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Berat), PDRM, Bukit Aman 2018

Sejak tahun 2001 sehingga April 2016, sejumlah 15 kes rampasan SKR oleh Polis Marin di perairan negeri Sabah seperti di Jadual 2[70]dan perincian SKR dirampas seperti Jadual 3.[71] Daerah Sandakan mencatatkan jumlah rampasan tertinggi sebanyak 8 kes diikuti daerah Tawau dengan 5 kes. Huzir Mohamed (2018), Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Terancang), Bukit Aman menjelaskan catatan rampasan SKR adalah kurang di Malaysia Timur berbanding Semenanjung Malaysia disebabkan masyarakat di sana lebih cenderung kepada senjata api buatan sendiri dikenali sebagai 'Bakakuk' iaitu senapang angin, juga dikategorikan sebagai senjata api di bawah undang-undang senjata api Malaysia. Beliau tidak menafikan terdapat sebilangan kecil SKR didakwa diseludup daripada selatan Filipina ke Sabah dan Kalimantan ke Sarawak.[72] Mohd Taha Ibrahim (2018), Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), berpandangan cabaran mengawal perairan Malaysia Timur seluas hampir 1733km serta kedudukan Sabah yang dikelilingi banyak pulau kecil yang terlalu hampir di antara sempadan Malaysia-Filipina, membuka ruang untuk aktor bukan negara terutamanya penyeludup SKR untuk keluar masuk dan bersembunyi di pulau-pulau kecil di sempadan kedua-dua negara dan membuangnya ke dalam laut apabila bot mereka dipintas oleh agensi penguatkuasa negara yang beroperasi di perairan negara.[73]Abdul Rashid Harun (2018), mantan Pesuruhjaya Polis Sabah dan Komander *The Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) turut bersetuju dengan kedua-dua kenyataan tersebut.[74]

**Jadual 2: Statistik Tangkapan Di Bawah Akta Senjata Api 1960 (Penalti Lebih Berat) Bagi Tahun 2001-April 2016 di Negeri Sabah**

| Tahun | Daerah / Jumlah Kes | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Labuan | K.Kinabalu | Kudat | Sandakan | Lahad Datu | Semporna | Tawau |
| 2001 | - | - | - | 1 | - | - | 1 |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2002 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2003 | - | - | - | - | - | - | 1 |
| 2004 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2005 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2006 | - | - | - | 1 | - | - | - |
| 2007 | - | - | - | - | - | - | 1 |
| 2008 | - | - | - | 1 | 1 | - | 1 |
| 2009 | - | - | - | - | - | - | 1 |
| 2010 | - | - | - | 1 | - | - | - |
| 2011 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2012 | - | - | - | 1 | - | - | - |
| 2013 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2014 | - | - | - | 3 | - | - | - |
| 2015 | - | - | - | - | - | - | - |
| 2016 | - | - | - | - | - | 1 | - |
| **Jumlah** | - | - | - | **8** | **1** | **1** | **5** |

Sumber : Polis Marin, Bukit Aman 2016

**Jadual 3: Statistik Rampasan Di Bawah Akta Senjata Api 1960 (Penalti Lebih Berat) Bagi Tahun 2001-April 2016 di Negeri Sabah**

| **Jenis senjata api** | **Daerah** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Sandakan** | **Lahad Datu** | **Semporna** | **Tawau** |
| Pistol *Fully Auto* | 1 unit | - | 1 unit | 6 unit |
| Pistol Mainan | - | 1 unit | - | - |
| Pistol Buatan Sendiri | 2 unit | - | - | - |
| M16 | - | - | - | 2 unit |
| Raifal | - | - | - | 1 unit |
| Raifal Buatan Sendiri | 2 unit | - | - | - |
| Senapang Buatan Sendiri | 5 unit | - | - | 2 unit |
| Peluru Hidup M16 | - | - | - | 60 butir |
| Peluru sub mesingan | 6 butir | - | - | 19 butir |
| Peluru raifal | - | - | - | 36,000 butir |
| Magazine pistol | 1 unit | - | - | 2 unit |
| Magazine M16 | 1 unit | - | - | 2 unit |
| Komponen Raifal | - | - | - | 11 unit |

Sumber : Polis Marin, Bukit Aman 2016

Sepanjang tempoh tahun 2015 sehingga Oktober 2017, pelbagai jenis SKR telah dirampas oleh PDRM secara keseluruhannya di Malaysia seperti di Jadual 4.[75] Pistol telah mencatat jumlah tertinggi diikuti dengan senapang buatan sendiri, senapang patah dan *revolver* termasuklah bahan letupan. Jenayah melibatkan senjata api telah meningkat apabila kerajaan memansuhkan Undang-Undang Darurat 1948 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang menyaksikan pembebasan lebih kurang dua ribu orang aktor bukan negara yang dikenakan tindakan di bawah undang-undang tersebut telah kembali ke 'kawasan kawalan' masing-masing dan berlaku perebutan kawasan yang mengakibatkan kes tembak menembak di antara kumpulan. Hampir 80 peratus penjenayah yang ditembak mati oleh PDRM adalah berpunca daripada penggunaan SKR serta berbalas tembakan dan SKR digunakan untuk tujuan aktiviti jenayah terancang dan lain-lain aktiviti menyalahi undang-undang.[76] Dalam kes Malaysia, merujuk kepada Jadual 1 di mana berlakunya jenayah bersenjata api melibatkan orang awam. Insiden tembakan terbuka dan aktiviti jenayah melibatkan SKR amat membimbangkan. Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Zainuddin Yaacob (2018) mengesahkan terdapatnya peningkatan penggunaan SKR berautomatik penuh seperti submesingan dan raifal sebagaimana kes pembunuhan pensyarah bangsa Palestin di Setapak, Kuala Lumpur dan kes tembakan rambang pusat hiburan di Taman Maluri serta Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada tahun 2018.[77] Jelas bahawa penyalahgunaan SKR oleh penjenayah yang beroperasi dalam pasaran haram menyebabkan kecederaan dan kematian bukan sahaja kepada kelompok yang menentang tetapi juga orang awam yang tidak bersalah.[78]Statistik rampasan SKR bersama dadah juga berlaku trend peningkatan bagi tempoh tahun 2008 sehingga Oktober 2017 seperti Rajah 1 dan perinciannya di Jadual 5[79]Khalid Abu Bakar (2016), mantan Ketua Polis Negara (KPN) mengesahkan SKR turut didatangkan bersama pakej dadah.[80] Berdasarkan risikan Unit D9 (Siasatan Khas) Bukit Aman, wujudnya pertukaran SKR daripada Thailand dengan dadah sintetik seperti *ice* yang diproses di Malaysia oleh pakar daripada Portugal dan India yang datang secara berkala ke Malaysia.[81] Sindiket pengedaran dan pemprosesan dadah semakin ghairah seperti El Chapo di Mexico dan dikesan giat membeli senjata api dan bom di Thailand untuk melindungi perniagaan dan menakutkan pesaing serta pihak berkuasa. Penjenayah membelanjakan wang sehingga RM3000 untuk membeli pistol baru atau terpakai bersama peluru hidup di pasaran gelap Thailand sebelum diseludup masuk ke Malaysia. Pengedar dadah dan SKR bagai tidak dapat dipisahkan dan menganggap SKR sebagai 'pendinding' jika diancam polis atau pesaing. Ini jelas membuktikan SKR menjadi alat penting dalam memelihara kegiatan haram penjenayah narkotik supaya tidak diganggu gugat.[82]

**Jadual 4: Statistik Rampasan Senjata Api Bagi Tahun 2015 sehingga Oktober 2017**

| Jenis senjata api | Tahun/Pucuk/Butir | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | Jan-Okt 2017 |
| Pistol | 88 | 68 | 52 |
| Revolver | 26 | 21 | 12 |
| Rifle | 1 | 1 | 1 |
| Senapang Patah | 28 | 8 | 1 |
| Senapang Buatan Sendiri | 18 | 46 | 18 |
| Senapang Angin | - | 21 | Tiada maklumat |
| Bom Tangan | 3 | 6 | 2 |
| Bom buatan sendiri | - | 3 | Tiada maklumat |
| *Air Gun* | 57 | 17 | 2 |
| *Pump-Gun* | 6 | 10 | - |
| Submesingan | 2 | - | 1 |
| Peluru Hidup | 2,111 | Ratusan Peluru Hidup | Tiada maklumat |

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman 2017

**Rajah 1: Statistik Kes Senjata Api yang Dirampas Bersama Dadah bagi Tahun 2000 Sehingga Oktober 2017**




Sumber : Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Berat) Bukit Aman 2017

**Jadual 5: Statistik Kes Senjata Api yang Dirampas Bersama**

| **Jenis senjata api** | **Tahun/Pucuk/Butir** | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **2000** | **2001** | **2002** | **2003** | **2004** | **2005** | **2006** | **2007** | **2008** | **2009** | **2010** | **2011** | **2012** | **2013** | **2014** | **2015** | **2016** | **Jan-Okt 2017** |
| Pistol | 1 | 17 | 10 | 9 | 8 | 10 | 6 | 12 | 41 | 20 | 29 | 24 | 27 | 30 | 9 | 38 | | Tiada maklumat |
| Revolver | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 5 | 3 | 4 | 6 | 1 | 4 | | Tiada maklumat |
| Rifle | 1 | 1 | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 | 2 | - | - | | Tiada maklumat |
| Senapang Patah | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1 | 2 | - | - | 7 | | Tiada maklumat |
| Senapang buatan sendiri | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 5 | 4 | 6 | 1 | 2 | 18 | | Tiada maklumat |
| Bom tangan | 1 | 20 | - | 1 | - | - | - | - | 3 | 5 | 4 | 1 | 2 | 1 | - | - | | Tiada maklumat |
| Bom asap | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | - | - | - | | Tiada maklumat |
| *Air Gun* | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 2 | 1 | | Tiada maklumat |
| *Pump-Gun* | - | 5 | - | - | - | 2 | 1 | - | 2 | 12 | 1 | 5 | 4 | 5 | 3 | 27 | | Tiada maklumat |
| Submesingan | - | 1 | - | - | - | - | - | - | 2 | - | - | - | 1 | - | - | 1 | | Tiada maklumat |
| Peluru Hidup | 265 | 1123 | 1177 | 454 | 171 | 507 | 44 | 600 | 1254 | 665 | 3870 | 1105 | 1702 | 1386 | 602 | 2111 | | Tiada maklumat |

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman 2017

Perkembangan jenayah negara yang menggunakan elemen SKR amat menggusarkan. Mekipun angka rampasan SKR dilihat kecil, tetapi senario ini tidak seharusnya berlaku bagi negara yang tidak menghasilkan SKR, tiada kedai jualan SKR berlesen secara terbuka kepada pemegang SKR yang sah serta mengamalkan undang-undang senjata api yang sangat ketat. Walaupun penyeludupan SKR ke Malaysia tidak dibuat dalam kuantiti yang banyak namun ianya adalah isu jenayah berat yang serius. Senario ini disokong oleh kajian Griffiths (2010) di mana pergerakan SKR rentas sempadan adalah suatu penyeludupan dan jumlahnya jarang dalam kuantiti yang besar.[83] Ini adalah kerana statistik tersebut hanya menggambarkan jumlah SKR yang telah berjaya dirampas berdasarkan kes seperti rampasan dadah dan bukan khusus kepada serbuan mencari SKR. Hanya bilangan kecil kes rampasan SKR yang berjaya dipatahkan di pintu masuk utama sempadan negara. Apa yang membimbangkan kini adalah jumlah sebenar SKR yang telah diseludup masuk sama ada oleh individu mahupun trak kontena membawa barangan import eksport melalui laluan tikus mahupun pintu sah sempadan dan SKR tersebut kini telahpun berada sama ada di pasaran gelap negara atau dalam simpanan aktor bukan negara. Pihak PDRM tidak mempunyai maklumat berkaitan ini sehinggalah berlaku sesuatu tangkapan atau kes jenayah dan memperolehi SKR. Mengambilkira senario isu semasa keselamatan, negara diasak dengan pelbagai isu JRS selain narkotik antaranya penyusupan unsur ektremis kegiatan pengganas, penyeludupan migran dan pemerdagangan orang turut melibatkan elemen SKR sebagai pertahanan diri oleh aktor bukan negara.

Kejadian kes tembakan terbuka di tempat awam 'ala mafia' meningkat[84] walaupun statistik indeks jenayah tahun 2016 berkurang sebanyak 2.7 peratus iaitu penurunan 3,225 kes jenayah pada 2016 (112,000 kes) berbanding 115,225 kes pada 2015.[85] Ahmad Zahid Hamidi, mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri Malaysia, menyatakan walaupun kadar jenayah dilaporkan turun 30 peratus pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya, namun persepsi rakyat mengenai kebolehpercayaan terhadap PDRM dalam membanteras jenayah tidak berubah, masyarakat masih berasa keadaan tidak selamat.[86]

Isu penyeludupan SKR dan jenayah berkaitannya semakin berleluasa sehingga mampu menjejaskan KI yang mana akhirnya mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap perlindungan yang sepatutnya disediakan oleh kerajaan. Peningkatan statistik penggunaan SKR mampu mengancam KI jika tidak dibendung dan dibanteras oleh pihak kerajaan. Persepsi dan rasa tidak selamat masyarakat terhadap kegiatan jenayah melibatkan elemen SKR memerlukan tindakan drastik kerajaan untuk meredakan kebimbangan masyarakat. Penyeludupan SKR bukan sahaja boleh menggugat keselamatan masyarakat namun mampu menggoyang kestabilan politik dan ekonomi negara jika tidak dipantau dan dikawal kemasukannya. SKR mendatangkan ancaman kepada keselamatan rakyat di mana-mana negara dan penyalahgunaan jenayah SKR juga mendatangkan bahaya yang lebih luas kepada keselamatan negara, keamanan, kestabilan dan pembangunan.[87]

## Faktor-Faktor Mempengaruhi Penyeludupan SKR Di Sempadan Malaysia-Thailand

Kebelakangan ini, kes jenayah berat melibatkan SKR seperti kes tembak dan pembunuhan ala-mafia menggunakan senjata api serta letupan di tempat awam yang menggemparkan negara semakin menjadi-jadi. Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Dalam Negeri, Ahmad Zahid Hamidi memaklumkan bahawa peningkatan aktiviti jenayah kes tembak di negara ini adalah dipercayai berpunca daripada penyeludupan SKR[88]Senario ini membimbangkan kerana menggambarkan betapa mudahnya SKR diperolehi di pasaran gelap dalam negara atau diseludup masuk dari negara jiran.

## Faktor Luaran

Malaysia adalah negara destinasi penerima masalah disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi penyeludupan SKR. Faktor-faktor luaran yang menyumbang kepada kegiatan penyeludupan SKR di rantau ini boleh disimpulkan kepada lima faktor. Faktor luaran pertama peningkatan penyeludupan SKR ke dalam negara dikaitkan dengan penyeludupan dan pengedaran dadah dari Segi Tiga Emas (Myanmar, Laos dan Thailand) yang

merupakan pengeluar kedua terbesar di Asia. Menurut Khalid bin Abu Bakar (2016), mantan KPN, hasil penyiasatan PDRM mendapati kebanyakan SKR yang dirampas adalah diseludup melalui sempadan Malaysia-Thailand. SKR tersebut bukan untuk tujuan transit tetapi kebanyakannya berlegar terutamanya di Semenanjung Malaysia bagi pelbagai tujuan kegiatan jenayah terancang.[89] Miya (bukan nama sebenar) (2018), pesalah senjata api yang ditangkap memiliki SKR bersama dadah mendakwa selain dadah daripada Segitiga Emas, dadah juga diseludup daripada China dan Iran untuk diproses di Malaysia. Beliau memperolehi SKR dari pasaran gelap dalam negara melalui sumber di Pulau Pinang. Tambahnya, kebanyakan penjenayah ingin memiliki SKR bagi tujuan pertahanan diri ketika melakukan jenayah.[90]Khalid Abu Bakar (2016) menyatakan kebanyakan SKR diseludup daripada Thailand adalah selari dengan statistik rampasan SKR yang kecil di Malaysia Timur. Pada hakikatnya, SKR haram berlegar di sempadan poros Malaysia Timur dan Filipina telah dikaburi sistem barter di antara Sabah dan selatan Filipina.[91] Manakala, di Semenanjung Malaysia, pelabuhan Pulau Pinang adalah titik penyeludupan termasuklah SKR dari Kemboja dan Thailand.[92]Berdekad lamanya rantau ini berhadapan peperangan dan konflik bersenjata yang masih berlaku ke hari ini di beberapa buah negara seperti Vietnam, Thailand, Indonesia, Myanmar, Kemboja dan Filipina. Pemberontakan bersenjata mengakibatkan peningkatan aktiviti penyeludupan, penyalahgunaan SKR dan tidak dapat dikawal. Peningkatan penyeludupan SKR di AT mengakibatkan ancaman yang serius terhadap politik, ekonomi dan kesejahteraan sosial negara anggota *Association of Southeast Nation* (ASEAN).[93] Konflik di rantau Asia memberi kesan limpahan dari segi pelarian, SKR dan aktiviti perikatan negara.[94] Percambahan SKR tanpa kawalan di AT telah mengancam keselamatan masyarakat dan negara, membantut pembangunan dan menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah.[95]Biasanya SKR menjadi pilihan konflik bersenjata disebabkan mudah dibawa, mudah digunakan, mampu milik dan sukar dikesan sumbernya.[96]AT adalah persimpangan untuk penyeludupan dan pengedaran senjata api. Thailand dilihat sebagai pasaran gelap utama senjata api di rantau AT diikuti dengan Kemboja dan Vietnam.[97] Kedudukan strategik Malaysia di laluan perdagangan dunia serta sempadan darat dan maritim yang menghubungkan dengan beberapa negara yang berhadapan konflik bersenjata menjadi faktor luaran kedua peningkatan penyeludupan SKR. Konflik bersenjata di negara jiran dilihat sebagai salah satu punca kemasukan SKR secara tidak langsung kerana ketersediaan stok SKR dan terdapatnya permintaan daripada aktor bukan negara. Sejumlah besar SKR yang dipercayai dari Kemboja telah diseludup untuk Gerakan Acheh Merdeka melalui selatan Thailand dan pelabuhan Pulau Pinang di Malaysia. SKR yang diseludup ke negara berkonflik turut memasuki pasaran gelap SKR negara ini dengan sumber mudah dari Thailand yang dilihat sebagai pasaran gelap utama SKR di rantau ini.[98] *The Royal Thai Border Police,* Abdul Hakim Che Mut (2018), tidak menolak kemungkinan

SKR daripada Vietnam dan Kemboja diseludup untuk kegunaan jenayah dan pasaran gelap SKR Thailand atau tujuan transit ke negara lain termasuklah diseludup ke Malaysia. SKR ini juga berkemungkinan diseludup ke negara berkonflik seperti selatan Filipina dan kumpulan pemberontak Abu Sayyaf dan ke kawasan berkonflik di Indonesia dengan menggunakan bot melalui Laut Andaman.[99]

Lambakan SKR pasca peperangan di negara jiran seperti Vietnam dan Kemboja menjadi faktor luaran ketiga. Rantau ini adalah lokasi berlakunya konflik di beberapa buah negara yang mengakibatkan SKR yang digunakan oleh tentera mudah diperolehi. Selepas kejatuhan Vietnam Selatan pada April 1975, sejumlah besar bekalan senjata Amerika Syarikat (AS) yang ditinggalkan telah dirampas oleh tentera Vietnam Utara yang dianggarkan di antara 1.5 juta ke 1.8 juta SKR dan 150,000 tan amunisi. Ini termasuklah 90,000 pistol jenis M1911A1, 791,000 pistol jenis M15A1s, 857,580 raifal, 15,000 M50 mesingan dan 47,000 pelancar bom tangan IN I79. Kebanyakan SKR dijual oleh kerajaan Vietnam kepada sekutunya dan kumpulan pengganas. Di Kemboja, dipercayai terdapat di antara 500,000 ke satu juta senjata api ala tentera berlegar dalam negara setelah kejatuhan kerajaan. SKR ini telah diseludup melalui selatan Thailand menerusi Selat Melaka untuk ke Acheh. SKR Kemboja turut diseludup ke Thailand, Indonesia, Myanmar, India, Filipina, Sri Lanka dan lain-lain negara. Kemboja menjadi sumber penting bekalan senjata api bagi negara yang berhadapan konflik dalaman kerana lambakan senjata api pasca perang saudara. Kemboja bagaikan pasaraya SKR kepada broker dan pengedar yang mencari perkakasan SKR ketenteraan pada kos yang rendah dengan dibantu penguatkuasa yang menerima rasuah dan anggota tentera merentasi sempadan Thailand. SKR yang memasuki Thailand akan dibekalkan kepada kumpulan penjenayah di Thailand ataupun dihantar keluar melalui laluan darat atau laut ke pasaran di Myanmar, Sri Lanka atau Indonesia. Thailand yang dikelilingi oleh negara jiran yang berhadapan dengan pemberontakan dan konflik berterusan telah menjadikannya pusat penting untuk broker SKR dan pemudahcara pindahan SKR.[100] Stok SKR Kemboja dan Myanmar juga telah dibekalkan ke zon konflik seperti Acheh, Sri Lanka, selatan Thailand, timur laut India dan sempadan Thai-Myanmar.[101] *The Royal Thai Marine Police,* Wacharat Meangpracha (2018), menyatakan terdapat kemungkinan lebihan SKR dari Vietnam, Kemboja, Laos diseludup untuk kegunaan tiga wilayah berkonflik di selatan Thailand.[102]Pemberi maklumat kepada PDRM, Rae Wat (bukan nama sebenar) (2018) memaklumkan SKR adalah murah dan mudah didapati di Narathiwat disebabkan pergolakan di tiga wilayah selatan Thailand.[103] Mengambilkira kedudukan geografi Malaysia dan lambakan SKR, menjadikannya sebagai salah satu faktor peningkatan penyeludupan SKR dengan bekalan mudah diperolehi daripada Thailand. Mantan KPN, Musa Hassan (2018) turut mengesahkan kebanyakan SKR yang diseludup ke Malaysia adalah daripada Thailand. Kebanyakan SKR baru yang kerap

diseludup adalah jenis Norenco buatan China selain SKR lama lebihan Perang Vietnam.[104]Kelemahan rangka kerja undang-undang antarabangsa menjadi faktor keempat punca peningkatan penyeludupan SKR. Undang-undang kawalan senjata api di AT tidak seragam dengan pelbagai definisi SKR. Malah terdapat juga negara yang tidak mempunyai undang-undang senjata api.[105] Ketiadaan perjanjian di peringkat rantau atau antarabangsa untuk mengawal SKR sah atau haram.[106] Undang-undang domestik yang kurang jelas atau tidak berkesan berkaitan pembelian SKR menyumbang kepada peningkatan kuantiti SKR di pasaran gelap. Sebagai contoh, jika tidak diletakkan had kuantiti pembelian oleh seorang individu, akan berlakunya '*straw purchases'* di mana individu boleh membeli dengan kuantiti yang banyak dan menjualnya semula. Penjualan SKR haram biasanya berlaku merentasi sempadan antarabangsa dari negara yang memiliki undang-undang senjata api yang longgar kepada negara yang memiliki undang-undang senjata api yang ketat.[107]Rangka kerja undang-undang antarabangsa yang melibatkan pembiayaan dan pembrokeran jualan SKR haram juga kurang dibangunkan.[108]Malaysia yang tersepit di kalangan negara yang mempunyai undang-undang pemilikan senjata api yang agak longgar menjadikan aktor bukan negara dalam negara berlumba-lumba untuk memilikinya daripada negara jiran dengan bekalan yang tersedia dan murah. Timbalan Ketua Polis Khoudon, Satun, Chan Chutirat (2018) memaklumkan wujudnya klausa hukuman mati di bawah undang-undang senjata api Thailand namun segalanya tertakluk kepada keputusan Mahkamah. Kebiasaannya hukuman denda atau penjara dikenakan sekiranya pesalah mengaku memiliki dan/atau menggunakan senjata api tanpa lesen.[109]

Kurangnya kerjasama di antara negara menjadi faktor kelima peningkatan penyeludupan SKR. Berdasarkan temubual awal bersama wakil PDRM Huzir Mohamed (2016)[110] dan *The Royal Thai Police*, Srisorayut (2017)[111] masing-masing menyatakan bahawa pihaknya kurang memperolehi maklumat yang diperlukan dalam usaha menjejaki penjenayah dikehendaki oleh negara masing-masing yang melibatkan akviti penyeludupan SKR. Kajian oleh Bedeski, Andersen & Darmosumarto (1998) mendapati kurangnya koordinasi dan kerjasama di kalangan negara rantau ini dalam mengawal pengedaran dan bekalan SKR daripada dalam dan luar rantau.[112] Kekurangan kapasiti oleh kebanyakan negara rantau ini memerlukan kerjasama serantau untuk membanteras cabaran pindahan haram SKR.[113]Apa yang dibimbangkan ialah permasalahan ini lebih mendatangkan impak negatif kepada Malaysia di mana pemilikan SKR dikawal ketat berbanding Thailand.

## Faktor Dalaman

Peningkatan penyeludupan SKR juga disebabkan oleh faktor dalaman. Malaysia sebuah negara maritim yang panjang, kedudukan geografinya berbukit bukau serta sempadan yang poros menyukarkan tugas anggota

keselamatan untuk mengawal sempadan dengan -sumber yang terhad menjadi faktor pertama berlakunya penyeludupan SKR. Rantau AT memiliki sempadan maritim yang panjang dan darat yang amat sukar untuk dipantau dan dikawal telah menggalak pelbagai bentuk penyeludupan.[114,115] Malaysia juga perlu mengawal Selat Melaka yang merupakan salah satu laluan perairan terpenting dunia yang menghubungkan Eropah, Timur Tengah dan Asia-Pasifik bagi tujuan perdagangan antarabangsa. Kedudukan Selat Melaka sebagai laluan kapal yang penting telah menimbulkan beberapa masalah kepada Malaysia.[116] Berdasarkan statistik oleh Jabatan Laut Malaysia, menunjukkan bilangan kapal yang berlayar melalui Selat Melaka adalah tinggi setiap tahun iaitu tahun 2015 (80,959), 2016 (83,740), 2017 (82,644) dan sehingga Julai 2018 (49,705) buah kapal.[117] Selat Melaka juga didakwa adalah laluan utama penyeludupan SKR di rantau ASEAN dan juga dari luar rantau ini memandangkan ianya adalah laluan perairan yang terpendek untuk menghubungkan ke negara yang paling ramai penduduk di dunia iaitu India, China dan Indonesia dan ianya adalah titik sempit utama di Asia. Malaysia juga dikatakan sebagai negara transit bagi aktiviti penyeludupan SKR seperti Thailand di mana terdapat kes rampasan SKR dari nelayan Vietnam di luar pantai Malaysia di Laut China Selatan[118,119] Ketua Penolong Pengarah, *Counter Terrorism*, Cawangan Khas Bukit Aman, Ayob Khan (2018) tidak menolak sempadan Malaysia-Thailand yang poros memudahkan pelbagai aktiviti penyeludupan termasuklah SKR. Terdapat beberapa kumpulan pengganas yang beroperasi di Malaysia memperoleh bekalan SKR daripada selatan Thailand. Insiden seperti pembunuhan Ahli Dewan Undangan Negeri Lunas, Kedah tahun 2000, rompakan Southern Bank Petaling Jaya tahun 2001, letupan bom di kelab malam Movida, Puchong tahun 2016 mendapati senjata api M16 dan bahan letupan Perang Vietnam tahun 1964 yang digunakan telah diseludup daripada Thailand.[120] Walaupun terdapat 17 agensi berkawal di sempadan darat pintu masuk utama negara serta undang-undang senjata api yang ketat, penyeludupan SKR dan jenayah berkaitannya semakin meningkat. Mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (2018), tidak menafikan mekanisma cegah rintang kawalan di sempadan negara tidak mencukupi dan berpandangan kawalan di sempadan negara perlu diserahkan sepenuhnya kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi menjamin keselamatan sempadan negara dan mengurangkan pertindihan tugas di antara agensi penguatkuasaan.[121] Kelemahan kawalan keselamatan, kepesatan pertumbuhan ekonomi, pergerakan orang ramai kerap keluar masuk di pintu sempadan Malaysia-Thailand, kelemahan penguatkuasaan sempadan, kurang pemeriksaan, tiada pelaksanaan pemeriksaan 24 jam dan hanya pemeriksaan rambang untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas serta kewujudan laluan tikus antara punca berlakunya peningkatan penyeludupan SKR di sempadan Malaysia-Thailand.[122]

Hasil temubual awal bersama wakil PDRM Huzir Mohamed

(2016)[123], *The Royal Thai Army,* Supavanich (2017),[124] dan *The Royal Thai Police,* Srisorayut (2017),[125] tidak menafikan gejala rasuah dan isu integriti di kalangan anggota penguatkuasa dan keselamatan yang bertugas di sempadan negara masing-masing menjadi faktor kedua yang memudahkan berlakunya aktiviti penyeludupan SKR. Kebanyakan penyeludupan SKR dari Indochina terutamanya Kemboja, Vietnam dan Laos dimudahkan lagi dengan berlakunya gejala rasuah di kalangan pegawai di Kemboja dan sempadan Thailand.[126] Soal selidik *Corruption and Democracy in Thailand* oleh Phongphaichit dan Piriyarangsan (2001), agensi kerajaan Thai yang kerap digambarkan sebagai penerima rasuah tertinggi adalah polis iaitu 33.7 peratus diikuti kementerian pertahanan 27 peratus.[127]Pegawai penguatkuasa yang menerima rasuah membolehkan SKR dieksport atau melalui sesebuah negara yang pada realitinya sukar untuk berlaku.[128] Senario sebegini juga berlaku di Malaysia. Timbul persoalan sama ada kegiatan terancang penyeludupan SKR turut dilindungi 'tangan-tangan ghaib' termasuk daripada anggota agensi penguatkuasaan sendiri sehingga sindiket boleh bergerak tanpa sekatan.[129]Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Shamshun Baharin bin Mohd Jamil (2018), bersetuju terdapat perkaitan isu integriti dan rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa di sempadan dengan aktiviti penyeludupan termasuklah SKR kerana pembolosan masih berlaku sehingga kini atau pemeriksaan teliti tidak dilaksanakan sama ada secara sengaja atau tidak ke atas individu atau kenderaan yang melepasi sempadan.[130]

Peningkatan kegiatan jenayah terancang menjadi punca ketiga peningkatan penyeludupan SKR sebagaimana dinyatakan oleh mantan KPN, Khalid Abu Bakar. Jenayah terancang merujuk penyediaan barangan dan perkhidmatan haram untuk tujuan keuntungan bagi apa sahaja komoditi dengan risiko serendah yang mungkin. Ini termasuklah perdagangan nasional dan transnasional bergantung kepada sifat barangan yang terlibat.[131] Aliran jenayah terancang berlaku apabila SKR yang digunakan untuk tujuan jenayah adalah SKR daripada pasaran yang sah dalam sesebuah negara. Kebiasaannya berlaku di antara dua negara di mana salah satunya mempunyai undang-undang senjata api yang ketat dan satu lagi lebih longgar. Pergerakan SKR merentasi sempadan ini adalah suatu penyeludupan dan jumlahnya jarang dalam kuantiti yang besar.[132] Pengguna utama SKR pasaran gelap adalah penjenayah, lanun, pemberontak, kartel dadah dan selainnya yang bergantung kepada SKR untuk menjalankan aktiviti haram.[133]Kebanyakan elemen jenayah telah memanfaatkan akses mudah kepada SKR haram dan akhirnya berlaku peningkatan jenayah kekerasan berkaitan SKR.[134]Penjenayah yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi melibatkan jumlah wang yang besar, musuh yang kuat dan merbahaya atau mengakibatkan penalti berat sekiranya tertangkap menggunakan SKR untuk serangan dan pertahanan diri. Di antara jenis jenayah yang paling berpotensi menggunakan SKR dalam menjalankan aktiviti transnasionalnya adalah organisasi jenayah terancang antarabangsa seperti jenayah terancang

tradisional, geng etnik, kartel dadah, kumpulan pengganas, gerila, militan dan pelbagai kumpulan penjenayah yang beroperasi di sempadan.[135]Presiden *Transperancy International Malaysia*, Akhbar Satar (2018) menyatakan bahawa penjenayah yang melakukan penyeludupan SKR ke Malaysia adalah '*risk taker'* kerana sanggup berhadapan hukuman berat di bawah undang-undang senjata api negara sekiranya tertangkap disebabkan faktor keuntungan besar.[136] Bagi pesalah senjata api Gotokaca (bukan nama sebenar) (2018) yang didakwa atas kesalahan samun bersenjata api telah menggunakan SKR untuk memudahkan 'kerja' menyamun serta menakutkan mangsa. Rakannya juga adalah pembekal dan penyeludup dadah termasuklah SKR daripada Thailand sanggup mengambil risiko disebabkan keuntungan lumayan yang diperolehi.[137]Penjualan SKR adalah suatu perniagaan yang menguntungkan. Faktor keempat ini menjadi antara penyumbang peningkatan penyeludupan SKR. Perniagaan SKR adalah transaksi kedua yang paling menguntungkan dan sejumlah besar SKR dari Kemboja, selatan China dan Vietnam telah diseludup dengan kebenaran dan penglibatan aktif daripada anggota tentera Thai dan Kemboja serta ahli politik. Keuntungan merupakan motivasi utama berlakunya penyeludupan SKR.[138,139] Keuntungan besar hasil jualan SKR menyebabkan penjenayah sanggup melakukan apa sahaja atas sifat tamak, dominasi, dendam dan ideologi.[140]Perkembangan ini tidak mustahil dalam perspektif Malaysia kerana kesukaran memperoleh SKR dalam negara ataupun dijual pada harga yang mahal. Wakil Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kamal Afendi Hashim (2018) tidak menyangkal bahawa penyeludupan SKR yang berterusan disebabkan pasaran yang menguntungkan, permintaan yang sentiasa ada dari dalam negara, ketiadaan kepakaran membuat SKR moden dan kurangnya sumber SKR dalam negara menyebabkan aktor bukan negara bergantung kepada pasaran gelap. Secara sinonimnya SKR kebanyakannya diperolehi daripada Thailand kerana ia adalah sempadan terdekat yang mudah untuk memperolehinya.[141] Jadi, tidak menghairankan berlakunya penyeludupan SKR ke dalam negara oleh aktor bukan negara untuk pelbagai tujuan.

Faktor kelima punca penyeludupan SKR disebabkan wujudnya permintaan daripada aktor bukan negara di Malaysia. Terdapat anggaran 639 juta SKR dalam edaran di seluruh dunia.[142] Maka bekalan bukanlah suatu masalah. AT mempunyai bekalan SKR yang tersedia untuk dibeli. Capie yang memetik Keith Krause menyatakan bahawa kebanyakan SKR adalah yang dikitar semula dan bukanlah pembuatan baharu. Dari perspektif permintaan, konflik dalaman di rantau ini telah mewujudkan keperluan untuk SKR haram di kalangan kumpulan pemberontak, aktor bukan negara dan rangkaian jenayah tempatan dan transnasional yang sofistikated yang terlibat dalam pelbagai aktiviti haram termasuklah pengedaran dadah, pemerdagangan orang, pengubahan wang haram, pemalsuan dan pemerasan.[143]Antara SKR yang paling mendapat permintaan adalah raifal buatan Soviet AK47, raifal buatan China Jenis 56, M16 dan AR15s buatan AS, SKR buatan Soviet,

senjata era Perang Kedua buatan AS M1s, karbin dan M14 automatik selain pelancar grenad buatan AS M203 dan M79.[144] Miya (bukan nama sebenar) (2018) seorang pesalah senjata api memaklumkan SKR mendapat permintaan tinggi di kalangan penjenayah mengambilkira ‘sifat kerja’ jenayah yang memerlukannya untuk tujuan pertahanan diri.[145] Mantan KPN, Musa Hassan (2018) juga bersetuju wujudnya permintaan SKR di kalangan penjenayah di Malaysia untuk tujuan melindungi perniagaan haram, pertahanan diri, tunjuk kuasa dan perebutan kawasan.[146]

Selain itu, kelemahan keupayaan agensi penguatkuasa dan keselamatan adalah faktor keenam penyumbang peningkatan penyeludupan SKR. Ketidakupayaan agensi penguatkuasa untuk memfokus kepada lebih daripada satu komoditi pada satu-satu masa membenarkan broker SKR yang licik terlepas dan meneruskan kegiatan penyeludupan dan perkhidmatan ke dalam pasaran gelap.[147] Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM, Junipah Wandi (2018) memaklumkan dua sebab utama berlakunya penyeludupan termasuklah SKR melalui sempadan negara. Pertamanya, setiap agensi bertugas di sempadan ‘bekerja secara sendirian’ (*working in silo*) mengikut batasan dari sudut punca kuasa agensi dan keduanya dari segi integriti pegawai yang bertugas.[148]Akhbar Satar (2018) tidak menolak undang-undang sedia ada negara adalah mencukupi. Namun, tiga perkara yang perlu dikaji iaitu dari aspek penguatkuasaan di mana tiada keselarasan di antara agensi bertugas di sempadan. Keduanya adalah penggunaan teknologi dalam mengawal sempadan dan ketiga adalah cadangan untuk mengatasi isu laluan tikus.[149] Musa Hassan (2018) bersetuju sekiranya penggabungan keseluruhan agensi di sempadan untuk meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sempadan negara serta perkongsian maklumat perisikan. Setiap agensi perlu menolak sikap ego untuk mendapatkan kredit sesebuah agensi dan melakukan tugasan semata-mata untuk kepentingan peribadi sahaja.[150] Jelas bahawa kelemahan pihak penguatkuasa mengawal sempadan darat atau maritim negara menjadi antara punca peningkatan penyeludupan SKR ke dalam negara. Daripada bersaing, semua agensi kerajaan pelaksana penguatkuasaan dan keselamatan sempadan perlu bekerjasama untuk mengenal pasti dan memusnahkan laluan penyeludupan dan menangkap broker SKR haram. Kesemua agensi ini perlu menggunakan maklumat perisikan untuk merampas SKR di pintu masuk utama negara, berkaitan pemindahan SKR dan segera mengenalpasti pengguna akhir palsu bagi pemindahan SKR untuk mengelakkan kelewatan penghantaran SKR yang sah mengikut prosedur undang-undang. Kerajaan dan negara, negara serantau dan institusi pelbagai hala perlu meningkatkan pertukaran maklumat dan kerjasama  dalam usaha membanteras kegiatan PSA dan jenayah berkaitannya.[151]

## Kesimpulan

Malaysia telah digemparkan dengan pelbagai insiden tembakan di tempat terbuka, samun bersenjata api, kes pembunuh upahan berprofil tinggi samada terhadap penjawat awam, orang perseorangan mahupun ekspatriat di dalam negara, isu penularan kemasukan elemen kegiatan keganasan menjadi kebimbangan dalam sebuah negara yang mengamalkan undang-undang senjata api yang sangat ketat. Pelbagai faktor dalaman dan luaran telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti penyeludupan SKR seterusnya meningkatkan jenayah berkaitannya. Oleh kerana jenayah melibatkan SKR saling berkait dengan jenayah terancang yang lain kegagalan dan kecuaian berterusan dalam mengawal keselamatan sempadan negara sehingga berlakunya peningkatan pembolosan SKR haram ke tangan penjenayah boleh mengancam KI jika tidak dibendung segera. Kerajaan perlu memastikan agar keharmonian terpelihara tanpa meminggirkan KI yang sama penting dalam menjamin kestabilan ekonomi, politik dan sosial. Seharusnya kerajaan merangkumkan keseluruhan aspek KI, masyarakat dan negara serta mengawal dan mengekalkan ketenteraman wilayah kuasanya untuk menjamin keselamatan nasional bagi menjamin KI agar sentiasa dilindungi dan terpelihara.

## Nota Akhir

1. Lumpe, L., Meek, S. & Naylor, R. T. Introduction to gun-running. Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 2.
2. Kramer, K. *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia*. Geneva: Small Arms Survey, 2001, hlm. 2.
3. Small Arms Survey. 2003. Obstructing development: The effect of small arms on human development. http://www.smallarmssurvey.org/fileadmin/docs/A-Yearbook/2003/en/Small-Arms-Survey-2003-Chapter-04-EN [3 April 2016]
4. Small Arms Survey. 2016. Weapons and markets. http://www.smallarmssurvey.org/weapons-and-markets.html [3 April 2016]
5. Spapens, A, Trafficking in illicit firearms for criminal purposes within the European Union. *European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice* 15(3), 2007, hlm. 361.
6. Stohl, R, Fighting the illicit trafficking of small arms. *SAIS Review* 25(1), 2005, hlm. 61.
7. Capie, D., *Small Arms Productions and Transfers in Southeast Asia*. Australia: Strategic and Defence Studies Centre Australian National University, 2002, hlm 1.
8. Stohl, R., Fighting the illicit trafficking of small arms. *SAIS*

*Review* 25(1), 2005, hlm. 60.
9. Capie, D., *Small Arms Productions and Transfers in Southeast Asia*. Australia: Strategic and Defence Studies Centre Australian National University,2002, hlm 104.
10. Muggah, R. & Moser-Puangsuwan, Y., *Whose Security Counts? Participatory Research on Armed Violence and Human Insecurity in Southeast Asia Armed Violence and Human Insecurity in Southeast Asia. Small Arms Survey*. Bangkok, Free Press, 203, hlm.7.
11. Capie, D., *Small Arms Productions and Transfers in Southeast Asia*. Australia: Strategic and Defence Studies Centre Australian National University, 2002, hlm 10.
12. Griffiths, H. 2010. The globalization of crime a transnational organized crime threat assessment. http://www.unodc.org/documents/data-and-%20analysis/tocta/TOCTA_Report_2010_low_res.pdf [3 April 2016].
13. GunPolicy.Org. Global impact of gun violence.armed violence and guns in South East Asia. http://gunpolicy.org/firearms/region/south-east-asia [20 Jun 2016].
14. United Nations Office on Drugs and Crime Homicide Statistics. 2013. Global study on homicide. homicide counts and rates, time series 2000-2012. http://www.unodc.org/gsh/en/data.html [20 Jun 2016].
15. Small Arms Survey. 2002. Strengthening controls: Small arms measures.http://www.smallarmssurvey.org/fileadmin/docs/A-Yearbook/2002/en/Small-Arms-Survey-2002-Chapter-06-EN.pdf [14 Mei 2016].
16. Kramer, K., *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia*. Geneva: Small Arms Survey, 2001, hlm. 4.
17. Stohl, R., Fighting the illicit trafficking of small arms. *SAIS Review* 25(1),2005, hlm. 60.
18. Malaysia, Akta Senjata 1960 (Akta 206) & Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37), April, 2015, hlm. 5.
19. Kramer, K, *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia*. Geneva: Small Arms Survey, 2001, hlm. 5.
20. Marsh, N, Two sides of the same coin? the legal and illegal trade in small arms. *The Brown Journal of World Affairs* 9(1), 2002, hlm. 220.
21. Capie, D., Arms trafficking in mainland Southeast Asia. Dlm. Chouvy, P.-A. (pnyt.). *An Atlas of Trafficking in Southeast Asia: The Ilegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia.* London and New York: I.B Tauris & Co Ltd, 2013, hlm. 90.
22. Miani, L, *The Sulu Arms Market: National Responses to a Regional Problem*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2011, hlm. xviii.

23. Marsh, N, Two Sides of the Same Coin? The Legal and Illegal Trade in Small Arms, *The Brown Journal of World Affairs* 9 (1), 2002, hlm. 223.
24. Chouvy, P.-A, Introduction: Illegal trades across national borders. Dlm. Chouvy, P.-A. (pnyt.). *An Atlas of Trafficking in Southeast Asia: The Illegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia*. London and New York: I.B Tauris & Co Ltd, 2013, hlm. 90.
25. Krause, K, Norm-Building in Security Spaces: The Emergence of the Light Weapons Problematic. *Annual Conference of the International Studies Association*, 1999, hlm. 1-33.
26. Kartha, T. Trans-national crime and light weapons proliferation: security implications for the state. *Strategic Analysis* 23(9), 1999, hlm. 1450-1460.
27. Gillard, E.-C, What's legal? What's illegal? Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2002, hlm. 27-52.
28. Lumpe, L., Meek, S. & Naylor, R. T, Introduction to gun-running. Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 1-10.
29. Mathiak, L. & Lumpe, L, Government gun-running to guerrillas. Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 55-80.
30. Cukier, W. & Shrophire, S. Domestic Gun Markets: The Licit-Illicit Links. Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 105-126.
31. Meek, S, Combating Arms Trafficking : Progress and Prospects. Dlm. Lumpe, L. (pnyt*.). Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 183-206.
32. Stohl, R, Fighting the illicit trafficking of small arms. *SAIS Review* 25 (1), 2005, hlm. 59-68.
33. Leggett, T, Law enforcement and international gun trafficking. Dlm. Lumpe, L. (pnyt.). *Running Guns the Global Black Market in Small Arms*. United Kingdom: Zed Books Ltd, 2000, hlm. 207-224.
34. Alusala, N, Informal cross-border trade and arms smuggling along the Uganda–Rwanda Border. *African Security Review* 19(3),2010, hlm. 15-26.
35. Strazzari, F. Libyan arms and regional instability, *The International Spectator: Italian Journal of International Affairs* 49(3), 2014, hlm. 54-68.
36. Spapens, A,Trafficking in illicit firearms for criminal purposes within the European Union. *European Journal of Crime, Criminal Law and*

*Criminal Justice* 15(No.3), 2007, hlm. 359-381.
37. Peterka-Benton, D, Arms trafficking in transnistria: A European security threat? *Journal of Applied Security Research* 7(1), 2012, hlm. 71-92.
38. Kuhn, D. A. & Bunker, R. J, Just where do Mexican Cartel weapons come from? *Small Wars & Insurgencies Special Issue: Criminal Insurgencies in Mexico and the Americas: The Gangs and Cartels Wage War* 22(5), 2011, hlm. 807-834.
39. Zohar, E, The arming of non-state actors in the Gaza Strip and Sinai Peninsula. *Australian Journal of International Affairs* 69(No.4), 2015, hlm. 438- 461.
40. Kramer, K,. *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia,* Geneva, Small Arms Survey, 2001, hlm. 2.
41. Capie, D, *Small Arms Productions and Transfers in Southeast As*ia. Australia: Strategic and Defence Studies Centre Australian National University, 2002, hlm. 94.
42. Stohl, R., Fighting the Illicit Trafficking of Small Arms. *SAIS Review* 25(1), 2005, hlm. 63.
43. Iwa, M, The issue of small arms and light weapons (salw) in the context of trans-national organized crime: its implications for asean security. *UN Workshop on SALW*, 2005, hlm. 1.
44. Spapens, A, Trafficking in Illicit Firearms for Criminal Purposes within the European Union. *European Journal of Crime, Criminal Law and Criminal Justice* 15(3), 2007, hlm. 370.
45. Kuhn, D. A. & Bunker, R. J, Just where do Mexican Cartel weapons come from? *Small Wars & Insurgencies Special Issue: Criminal Insurgencies in Mexico and the Americas: The Gangs and Cartels Wage War* 22(5), 2011, hlm. 807-834.
46. Gagliardi, P, Transnational organized crime and gun violence. A case for firearm forensic intelligence sharing. *International Review of Law, Computers & Technology* 26(1),2012, hlm. 88.
47. Bedeski, R. E., Andersen, A. & Darmosumarto, S, Small arms trade and proliferation in East Asia: Southeast Asia and the Russian Far East. Columbia: Institute of International Relations, University of British Columbia, 1998, hlm. 10.
48. Ibid, hlm. 11.
49. Ibid, hlm. 1.
50. Kramer, K, *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia*. Geneva, Small Arms Survey, 2001.
51. Capie, D, *Small Arms Productions and Transfers in Southeast Asia*. Australia, Strategic and Defence Studies Centre Australian National University.2002.
52. Misalucha, C, Failures at the national level: The diffusion of small

arms and light weapons in the Philippines. *Philippine Political Science Journal* 25(48), 2004, hlm 131-148.

53. Iwa, M, The Issue of Small Arms and Light Weapons (SALW) in the Context of Trans-National Organized Crime: Its Implications for Asean Security.,UN Workshop on SALW, 2005, hlm 1-11.

54. Denik, I. W. 2012. Malaysia as the crossing point for illicit trafficking of small arms and light weapons (SALW) to Indonesia: Issues and challenges. *Sociology Study* 2(5),2012, hlm. 351-361.

55. Miani, L, *The Sulu Arms Market: National Responses to a Regional Problem*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2011, hlm. 42.

56. Capie, D, *Small Arms Productions and Transfers in Southeast Asia*. Australia, Strategic and Defence Studies Centre Australian National University, 2002.

57. United Nations, United Nations annual human development report 1994. Oxford, Oxford University Press, 1994.

58. Kerr, P, Human security. Dlm. Collins, A. (pnyt.). *Contemporary Security Studies*. Great Britain: Oxford University Press, 2007, hlm. 91-108.

59. Kerr, P, Human security and diplomacy. Dlm. Cavelty, M. D. & Mauer, V. (pnyt.). *The Routledge Handbook of Security Studies*. Great Britain: Routledge*,* 2010, hlm. 115-125.

60. Acharya, A. 2001, Human Security, East Versus West, *International Journal* 56(3): 2001, 442-460.

61. Zarina Othman, Human security concepts, approaches and debates in Southeast Asia. Dlm. (pnyt.). *Facing Global Environmental Change.* Switzerland: Springer*,* hlm. 1037-1047.

62. Rashila Ramli, Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Sity Daud, Towards a *Modified Approach to Human Security in Southeast Asia= Perspective* from Bangi. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 20(3), 2012, hlm. 577-588.

63. Rashila Ramli & Nor Azizan Idris, Keselamatan insan dalam konteks keselamatan nasional: isu dan cabaran dalam membina indeks keselamatan insan Malaysia. Dlm. Kamarulnizam Bin Abdullah (pnyt.). Cetakan Pertama. *Keselamatan Nasional Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, *,* hlm. 79-96.

64. Sity Daud, Zarina Othman & Rashila Ramli, Understanding human security and peace. Dlm. Sity Daud, Zarina Othman & Rashila Ramli (pnyt.). *Human Security & Peace in Archilepagic Southeast Asia.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*,* 2015, hlm. 22-31.

65. Krause, K., Norm-Building in Security Spaces: The Emergence of the Light Weapons Problematic. *Annual Conference of the International Studies Association*, 1999, hlm. 8.

66. Kramer, K., *Legal Controls on Small Arms and Light Weapons in Southeast Asia*. Guava: Small Arms Survey, 2001, hlm. 1.
67. Misalucha, C., Failures at the national level: the diffusion of small arms and light weapons in the Philippines. *Philippine Political Science Journal* 25(48): 2004, hlm. 131-148.
68. Muggah, R. & Moser-Puangsuwan, Y., *Whose Security Counts? Participatory Research on Armed Violence and Human Insecurity in Southeast Asia Armed Violence and Human Insecurity in Southeast Asia.* Bangkok: Free Press, 2003, hlm.7.
69. Polis DiRaja Malaysia. *Statistik Jenayah Penggunaan Senjata Api di Malaysia Bagi Tahun 2015 Sehingga Jun 2018*. Malaysia: Polis DiRaja Malaysia, 2018.
70. Polis DiRaja Malaysia, *Statistik Tangkapan Di Bawah Akta Senjata Api 1960 (Penalti Lebih Berat) Bagi Tahun 2001-April 2016 di Negeri Sabah.* Malaysia: Polis DiRaja Malaysia, 2016.
71. Polis DiRaja Malaysia, *Statistik Rampasan Di Bawah Akta Senjata Api 1960 (Penalti Lebih Berat) Bagi Tahun 2001-April 2016 di Negeri Sabah.* Malaysia: Polis DiRaja Malaysia, 2016.
72. Huzir Mohamed, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Terancang), Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur. Temu bual, 3 April 2018.
73. Mohd Taha Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Putrajaya, Temubual, 22 Jun 2018.
74. Abdul Rashid Harun, Mantan Pesuruhjaya Polis Sabah dan Komander *The Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Kuala Lumpur. Temubual, 26 Julai, 2018.
75. Polis DiRaja Malaysia, Statistik Rampasan Senjata Api Di Malaysia Tahun 2015 sehingga Oktober 2017. Malaysia: Polis DiRaja Malaysia, 2017.
76. Huzir Mohamed, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Terancang), Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur. Temu bual, 3 April. 2018.
77. Zainuddin Yaacob, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur. Temubual, 14 Ogos 2018.
78. Gagliardi, P., Transnational Organized Crime and Gun Violence. A Case for Firearm Forensic Intelligence Sharing. *International Review of Law, Computers & Technology* 26(1), 2012, hlm. 89.
79. Polis DiRaja Malaysia, *Statistik Kes Senjata Api yang Dirampas Bersama Dadah bagi tahun 2000 sehingga Oktober 2017*. Malaysia: Polis DiRaja Malaysia, 2017.
80. Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara. Bukit Aman, Kuala Lumpur. Temubual, 23 Mac, 2016.
81. Storm, Unit D9 (Siasatan Khas) Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Temubual, 14 April, 2018.

82. Mohd Jamilul Anbia Md Denin & Fardy Bungga, Kartel Dadah Ala Mexico. *Harian Metro*, 26 April: 10, 2016.

83. Griffiths, H. The globalization of crime a transnational organized crime threat assessment. http://www.unodc.org/documents/data-and-analysis/tocta/TOCTA_Report_2010_low_res.pdf [3 April 2016], 2010, hlm. 129.

84. Muzdalifah Mustapha, 9 Ogos 2016. Pembunuhan 'ala mafia' membimbangkan. *Utusan Online*. http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pembunuhan-8216-ala-mafia-8217-membimbangkan-1.368245 [9 Ogos 2016].

85. Marzudi Md. Yunus, 4 Januari 2017. Ke Arah Malaysia Yang Selamat. *Utusan Online*. http://www.utusan.com.my/rencana/utama/ke-arah-malaysia-yang-selamat-1.427848/penurunan-sebanyak-2-7-peratus-indeks-jenayah-pada-2016-adalah-hasil-usaha-menyeluruh-yang-dilakukan-1.427849 [14 Februari 2017].

